








DITERIMA

# JURNAL TASAWWUR ISLAM

JILID 5

OGOS 2002 / JAMADILAKHIR 1423H

## Kata Pengantar Sidang Pengarang

- 
1. **PERANAN ULAMA 'DALAM BIDANG PENDIDIKAN ISLAM DI NEGERI KELANTAN: SUATU KAJIAN KHUSUS DI ANTARA TAHUN 1940 HINGGA 1990**  
( Oleh Prof.Madya Dr. Asiah Ali ) 1
  2. **PENDIDIKAN DARI PERSPEKTIF ISLAM:UiTM MENGHADAPI ALAF BARU**  
( Oleh Prof. Madya Dr. Yaacob Yusoff ) 11
  3. **WANG DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN KONVENSIIONAL**  
( Oleh Ezani Yaakub ) 24
  4. **KESINAMBUNGAN AJARAN AGAMA ISLAM SAMAWI-MENURUT PERSPEKTIF OLD TESTAMENT, NEW TESTAMENT DAN THE LAST TESTAMENT ( AL-QURAN )**  
( Oleh Ghafarullahuddin Hj. Din ) 48
  5. **SENI BINA MASJID DI MALAYSIA**  
( Oleh Fairuzah Hj. Basri ) 61
  6. **PRINSIP DAN ETIKA ISLAM DALAM PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR**  
( Oleh Mohd Nor Mamat ) 71
  7. **KEPERLUAN PENGURUSAN MAKLUMAT SECARA ISLAM**  
( Oleh S.Salahuddin Suyurno ) 82

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
Pusat Pendidikan Islam  
Universiti Teknologi MARA  
40450 SHAH ALAM



**PRINSIP DAN ETIKA ISLAM DALAM PEMULIHARAAN  
ALAM SEKITAR**  
(Oleh: Mohd Nor Mamat)

**ABSTRAK**

*Alam sekitar merupakan anugerah Tuhan untuk diuruskan oleh penghuninya secara bijak. Hari ini, pelbagai isu tentang alam sekitar, krisis dan konflik interaksi antara entiti dalam ekosistem terutamanya manusia diperkatakan di mana-mana. Ini mendesak kepada perlunya perbincangan berkaitan etika dan perundangan bagi memastikan pembangunan mapan alam sekitar dipelihara dan terjamin. Prinsip dan etika pemuliharaan alam sekitar telah sedia dibincangkan di dalam nas: selebihnya adalah untuk diekstrakkan ke dalam bentuk aplikasi. Kertas ini membincangkan beberapa prinsip yang jelas terkandung di dalam nas sebagai asas dan panduan kepada pembangunan etika alam sekitar dalam bentuk aplikasi masa kini.*

**Pendahuluan**

Etika amat berkait rapat dengan agama. Etika yang dibentuk tanpa landasan agama hanyalah teori yang tidak akan terlaksana ataupun tidak bersifat *eternal*. Saintis moden telah memperkenalkan pelbagai bentuk etika bagi mengawal kerosakan alam sekitar namun fenomena yang berlaku adalah sebaliknya. Dr. Shumacher menulis tentang kesan alam sekitar oleh sains moden sebagai :

*... Dunia moden yang dibentuk oleh teknologi moden telah mengalami tiga krisis serentak. Pertama, sifat tabi'ie manusia memberontak -menentang corak teknologi, organisasi dan politik yang tidak berunsurkan kemanusiaan. Kedua, alam sekitar yang menyokong kehidupan insan sakit dan mengeluh serta menunjukkan kehancuran. Ketiganya, adalah jelas untuk sesiapa yang benar-benar berpengetahuan, bahawa jalan yang diambil dalam penggunaan bahan api fosil akan menyebabkan ketandusan dalam sedikit masa lagi...*

Fenomena *Green House Effect*, *Acid Rain*, *Heat Island*, *The Hole in the Sky* dan sebagainya merupakan antara kemusnahan dan petaka akibat daripada ketiadaan satu etika yang konkrit terhadap pemeliharaan alam sekitar.

Pelbagai teori tentang etika alam sekitar pernah dicetuskan di barat tetapi hampir seluruh pengkaji barat termasuklah Lynn White Jr., Fraser Darling, Theodore Roszak dan Sir Geoffrey Vickers mengakuinya sebagai tidak mampu memelihara alam sebaiknya. Malah menurut Lynn White Jr yang mewakili kalangan pengkaji tersebut, teori tersebut yang berdasarkan prinsipnya kepada Judaeo-Kristian merupakan punca utama permasalahan alam sekitar hari ini lantaran ajaran keagamaan mereka memberikan kuasa yang mutlak dan tersendiri daripada kuasa Tuhan terhadap alam. Malah kepercayaan agama mereka sendiri mengasingkan langsung hubungan alam dengan konsep keagamaan. Pada masa yang sama, akibat kesilapan memahami Islam itu sebagai serupa dengan Marxisme, beliau juga mengaitkan Islam juga sebagai faktor perosak alam sekitar. Tulisan ini cuba merujuk kepada beberapa nas di samping pandangan sarjana-sarjana Islam semasa yang mencadangkan teori etika yang Islamik umpamanya Profesor Dr. Seyyed Hossein Nasr, Ziauddin Sardar, Dr. Muhammad Uthman El Muhammady dan Prof. Madya Dr. Zaini Ujang bagi menjelaskan kefahaman sebenarnya.

### **Teori Tauhidik**

Tauhid adalah matriks pemikiran umat Islam dan aspek yang menyerap ke dalam segenap kegiatan manusia. Ia adalah prinsip panduan bagi agama, etika, politik, sosial, epistemologi dan sains. Ia terletak pada pusat rasa ingin tahu manusia terhadap realiti alam<sup>1</sup>. Tauhid mengurniakan kemerdekaan dan kehormatan ke atas pemikiran dan gaya hidup manusia. Ia menjauhkan manusia daripada sikap ketakutan dan ketamakan yang hina<sup>2</sup>.

Konsep tauhidik merupakan salah satu prinsip asas dalam pembentukan kefahaman etika terhadap alam sekitar. Teori tauhid Islam menawarkan satu formula kehidupan yang syumul dan harmoni dengan mewujudkan hubungan antara manusia dengan Tuhan, sesama manusia dan juga alam sekitar yang melangkaui alam metafizik termasuklah jin, malaikat serta alam ghaib yang lain. Menurut Al-Faruqi, inilah tiga elemen yang menjadi formula asas dalam mengaplikasikan Islam iaitu; Allah sebagai satu realiti yang tersendiri (transcendental), manusia dan kosmos<sup>3</sup>. Kefahaman ini membawa kepada perbincangan etika dalam kehidupan antara manusia, Tuhan dan alam sekitar.

<sup>1</sup> Ziauddin Sardar (1990). *Masa Hadapan Islam: Bentuk Idea Yang Akan Datang (Edisi Terjemahan)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: Hal. 235-236.

<sup>2</sup> Manzoor, S. Parvez (1991). "Persekitaran dan Nilai: Perspektif Islam": *Sentuhan Midas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: Hal 211. Lihat juga Ali Shari'ati (1979) di dalam tulisannya *On the Sociology of Islam*: Hal. 87.

<sup>3</sup> Wan Mohd Azam Mohd Amin, Dr. (1996). "Prinsip-prinsip Umum Penjagaan Alam Sekitar Menurut Al Quran dan As Sunnah": *Dakwah* April 1996 Bil 227: 19-25: Hal. 20.

Dengan keyakinan dan kefahaman tauhid yang berpusat kepada Allah dan kekuasaanNya, segala bentuk tindakan manusia akan disempadani oleh etika yang bakal menguntungkan bukan sahaja manusia tetapi seluruh organisma alam. Malah etika yang bersifat sebegini tidak akan dikhianati lantaran penyelewengan pemikiran daripada konsep tauhidik bakal mensyirikkan keimanan individu Islam. Dan ini sama sekali tidak akan dibiarkan oleh manusia yang berjiwa Islam.

Konsep tauhid ini menjadi prinsip dua hala kepada manusia yang beriman dan yakin dengan Allah. Ia menjadi teras kepada etika manusia terhadap alam sekitar dan ia juga mampu memandu arah sebaliknya, iaitu pemeliharaan alam sekitar dan kewujudan ekosistem itu sendiri bertindakbalas dalam menambahkan lagi tahap keimanan manusia kerana kosmos itu bertindak sebagai tanda-tanda kekuasaan Allah<sup>4</sup>.

### **Konsep Khilafah Manusia**

Konsep khilafah yang diamanahkan oleh Allah kepada manusia juga adalah asas untuk memastikan kosmos ini ditadbir sewajarnya. Khilafah ialah amanah Allah yang ditugaskan kepada manusia untuk menjadi penggantiNya atau memangku tanggungjawab secara *ad hoc* untuk memelihara alam sekitar sepanjang hayat di dunia ini. Inilah amanah yang merupakan tafsiran tersirat di sebalik firman Allah yang mafhumnya:

*Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku akan menjadikan seorang khalifah di bumi." Para malaikat bertanya: "Apakah (sebab) Kamu menjadikannya khalifah di bumi sedangkan mereka akan melakukan kerosakan dan pertumpahan darah manakala kami sentiasa bertasbihi, bertahmid, dan mengagungkan Kamu?" Allah berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang kamu tidak ketahui."*

Dengan berbekalkan ilmu pengetahuan, kelebihan akal dan keistimewaan penciptaannya maka makhluk manusia telah dipilih untuk memikul tugas ini. Sebagai khalifah bumi, manusia dianugerahkan kuasa

---

<sup>4</sup> Rujuk Mokhtar Petah (1995). *Rahsia dari Al Quran: Haiwan, Serangga dan Mamusia*. Selangor: Cetak Hikmat (M) Sdn Bhd: Hal i-iv.

<sup>5</sup> Al-Baqarah: 30

mentadbir. Pada masa yang sama, ia tidak menafikan tuntutan ibadah ataupun perhambaan terhadap Tuhan. Lalu, kombinasi dua tugas ini oleh khalifah yang kenal dirinya sebagai hamba Allah memungkinkan pentadbiran dan pengurusan alam seluruhnya yang sangat murni dan beretika tinggi. Profesor Dr. Seyyed Hossein Nasr mengulas berkaitan hal ini:

*As 'abd Allah, he must be passive towards God and recipient of the grace that flows from the world above. As khalifah Allah, he must be active in the world, sustaining cosmic harmony and disseminating the grace' for which he is the channel as a result of his being the central creature in the terrestrial order<sup>6</sup>.*

Dengan kefahaman terhadap prinsip khilafah dan peranannya, manusia akan memelihara alam sekitarnya sebagaimana yang terkandung dalam risalah khilafahnya. Memang tidak dinafikan bahawa manusia merupakan suatu entiti alam yang bersifat perosak dan sukakan pembunuhan seperti yang diucapkan oleh malaikat ketika diciptakan manusia sebagai khalifah (Rujuk Surah Al-Baqarah: 30), namun dengan kelebihan ilmu dan akal, maka peranan khilafah mampu dilaksanakan sebaiknya dan pastinya akan bertanggungjawab ke atas keharmonian pentadbiran serta penggunaan alam sekitar secara bijak dan beretika. S. Parvez Manzoor (1991) mengungkapkan sebagai sokongan terhadap prinsip ini sebagai:

*Seluruh kewajaran Islam bagi etika ekologi bersandar kukuh atas idea-idea Al-Qur'an berkenaan khilafah dan amanah. Alam semulajadi sebagai ladang kepunyaan Tuhan, diberikan kepada manusia cuma sebagai suatu amanah dan hak manusia untuk menguasai alam semulajadi adalah cuma kerana kemuliaan kejadian teomorfiknya dan bukan sebagai pemberontak yang menentang langit.<sup>7</sup>*

### **Beberapa Prinsip Ibadah Sebagai Satu Etika**

Pemeliharaan alam sekitar mempunyai hubungan langsung dengan syariat ibadah dan konsep penjagaan kesihatan. Dalam Islam, jelas sekali banyak nas yang menyebut berkaitan kesihatan sehingga lahirnya kitab-kitab agung dalam disiplin sains kesihatan seperti Al Tibb Al Nabawi oleh Ibnu Qayyim, Al-Qanun Fi Al Tibb oleh Ibnu Sina, Al Tibb Al Ruhiiy Al Sufi oleh Maulana Syeikh Al Chistiy dan sebagainya. Ini sudah tentu ada hubungan dengan syariat; suruhan, larangan ataupun galakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam beberapa aspek yang menunjukkan secara tidak langsung etika pemeliharaan alam

<sup>6</sup> Wan Mohd. Azam Mohd. Amin (1996): Hal. 20.

<sup>7</sup> Manzoor, S. Parvez (1991): Hal 213. Lihat juga Seyyed Hossein Nasr (1991). "Islam and the Environmental Crisis": *Kesturi* Jil 1, Bil 2 Dis 1991: 26-47: Hal. 96.

sekitar. Beberapa contoh aspek syariat berikut mungkin boleh menghuraikan kefahaman ini.

### **Pemeliharaan Kualiti Udara**

Dalam perundangan fiqh berkaitan istinjaq, prasyarat utama untuk dianggap suci daripada najis mestilah bukan setakat hilang warna dan rupa (ain) malah baunya juga mestilah dihilangkan agar memelihara kualiti udara sekitarnya. Begitu juga satu hadis yang diungkapkan dari Muaz bin Jabal, Rasulullah s.a.w. bersabda (mafhumnya) : *Jagalah kamu semua dari tiga perkara kutukan; membawa najis di dalam air di jalan raya dan juga di bawah teduhan (pokok).*

Dalam banyak hadis-hadis yang lain, Rasulullah melarang kita melaksanakan qadha' hajat di tempat terbuka dan awam seperti jalanan, tempat orang berehat, di bawah pokok yang sedang berbuah ataupun menghadapkan ke arah angin yang bertiup dan sebagainya.<sup>8</sup> Begitu juga, hadis yang lain dari Jarir bin Abdullah menyebut Rasulullah sebagai bersabda (mafhumnya):

*Sesiapa yang memakan bawang putih atau bawang, maka hendaklah menjauhkan diri dari kami dan juga masjid kami.*

Dalam konteks yang lain pula, kita dapati Islam menganjurkan agar umatnya memakai bau-bauan yang bersesuaian agar udara sekitarnya menjadi harmoni. Manakala bau yang busuk adalah dilarang sehinggakan fatwa Syeikh Daud Al-Fatani menyebut pemakaian minyak tanah untuk tujuan memasang pelita sekalipun juga adalah makruh lantaran baunya yang boleh mengganggu udara persekitaran<sup>9</sup>.

### **Pemeliharaan Kualiti Air**

Ciri pemeliharaan kualiti air digambarkan secara jelas dalam kefardhuan wudhu' di mana hanya air bersifat mutlak sahaja yang diterima sebagai sah. Malahan terdapat satu hadis Rasulullah (mafhumnya):

*Janganlah kamu membuang air kecil di dalam air yang tidak mengalir.*

---

<sup>8</sup> Uthman El Muhammadiyah, Dr. (1998). "Islam dan Alam Sekitar": *Seminar Alam Sekitar: Pengurusan Bijak Alam Anugerah Tuhan*. IKIM: 27-28 Oktober 1998: Hal 7. Libat juga Al Falembani, Syeikh Abdul Samad [t.t]. *Hidayah As Salikin*. Mesir: Al Maarif: Hal 26-28.

<sup>9</sup> Ibid: Hal. 8.

Malah banyak lagi hadis yang menerangkan tentang perlunya menjaga air agar sentiasa bersih. Ini merupakan analogi yang cukup hampir dengan larangan kita membuang bahan-bahan berbahaya atau beracun yang boleh mencemarkan kualiti air seperti najis, sampah sarap, toksid dan sebagainya.

Antara nas yang lain yang boleh menggambarkan betapa syariat Islam sangat mementingkan etika terhadap alam sekitar ialah wasiat Abu Bakar R.A kepada pasukan tentera Islam di bawah pimpinan Yazid bin Abu Sufiyan :<sup>10</sup>

*Maka aku berwasiat kepada kamu dengan sepuluh perkara: jangan membunuh orang perempuan, tidak juga kanak-kanak, tidak juga orang dewasa yang lari (dari medan perang), jangan dipotong pokok yang berbuah, jangan dirubohkan bangunan, jangan disembelih kambing atau unta kecuali untuk dimakan, jangan ditenggelamkan pokok-pokok tamar ke dalam air dan jangan membakarnya, jangan melampau dalam pertempuran dan janganlah lari (dari medan perang).<sup>11</sup>*

### **Faham Konsep Adab dan Tawazun (Keseimbangan)**

Islam mengajar umatnya yakin terhadap fitrah alam ciptaan Allah. Allah berfirman, mafhumnya:

*Dan Kami tumbuhkan padanya setiap sesuatu itu mengikut kadarnya (yang seimbang)<sup>12</sup>.*

Malah konsep kesederhanaan juga merupakan satu anjuran Islam dalam semua aspek kehidupan membuktikan fitrah ciptaan Allah ini bersifat sederhana dan sentiasa seimbang mengikut kadarnya. Maka Islam akan sentiasa mengawal penganutnya agar terus menjaga alam sekitarnya dalam keadaan seimbang, baik dari segi kegunaannya (*istiskhar*) ataupun ekosistemnya. Firman Allah dalam ayatNya yang lain, mafhumnya:

*Dan mereka apabila berbelanja (menggunakan sesuatu), mereka tidak boros dan tidak kedekut malah mereka melakukannya secara sederhana (bijaksana).<sup>13</sup>*

---

<sup>10</sup> Ibid: Hal. 12.

<sup>11</sup> Op. Cit. Lihat juga Imam Malik bin Anas dalam kitabnya *Al Muwatta'*.

<sup>12</sup> Al-Hijr: 19

<sup>13</sup> Al Furqan: 67

Dalam menghubungkan adab dengan keseimbangan alam ataupun ekologi, Ziauddin Sardar menggariskan tujuh prinsip utama iaitu;<sup>14</sup> Kesedaran sikap terhadap pertautan antara setiap ahli dalam kosmik ataupun dikenali sebagai holosentik. Interaksi inter-entiti alam sangat rapat, meskipun sehalus mana organisma itu malah entiti daripada alam metafizik juga berperanan umpamanya bakteria mereputkan organisma yang mati supaya nutrien dapat dikitar semula melalui tumbuhan<sup>15</sup>. Ini akan memandu kepada sikap prihatin dan berjaga-jaga dalam mengambil sesuatu tindakan terhadap anggota kosmik ataupun alam sekitar.

1. Kesedaran betapa setiap organisma dalam kosmik ini adalah sumber kehidupan manusia dan ekosistem sebegini perlulah sentiasa terpelihara untuk kelangsungan kehidupan manusia.
2. Kesedaran tentang konsep dan peranan kitar semula (*recycling*) oleh setiap objek dalam persekitaran kita akan menyebabkan manusia tidak akan berlagak angkuh dengan kekuasaan dan kehidupan yang dimiliki.
3. Kesedaran berkaitan interaksi inter-spesis dalam satu ekosistem. Keperluan alam untuk hidup secara bersama dan saling berinteraksi dalam pelbagai bentuk yang berbeza seperti interaksi fizikal, biologikal mahupun menerusi proses *chemical*. Analogi Bangau Oh Bangau dalam budaya Melayu umpamanya mencerminkan gambaran pertautan interaksi ekosistem ini.
4. Kesedaran kemampuan sesetengah ahli ekosistem yang saling sokong menyokong proses pembiakan satu sama lain. Contohnya di Amerika Syarikat satu ketika, anjing hutan dibunuh untuk memelihara spesies biri-biri. Lalu kekurangan anjing hutan menyebabkan bertambahnya spesies tikus mondok dan burung yang akhirnya menyebabkan kehabisan bijirin untuk diberi makan kepada biri-biri.
5. Kesedaran 'kemampuan membendung' iaitu kemampuan setiap ekosistem untuk menghalang kepupusan atau mengekalkan sebahagian spesies yang lain juga akan mengakibatkan tindakbalas manusia untuk memelihara entiti kosmos yang lain agar kepupusan spesies mereka tidak berlaku. Contohnya,

<sup>14</sup> Ziauddin Sardar (1990). *Masa Hadapan Islam: Bentuk Idea Yang Akan Datang* (Edisi Terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: Hal. 230-234.

<sup>15</sup> Abdul Halim Sulaiman, Dr. (1998). "Pertimbangan Ekologi dalam Pengurusan Alam Sekitar": *Seminar Alam Sekitar: Pengurusan Bijak Alam Anugerah Tuhan*. IKIM: 27-28 Oktober 1998: Hal. 3.



dengan kemusnahan ozon ataupun pokok-pokok sebagai sumber oksigen bakal memusnahkan kehidupan manusia itu sendiri.

6. Kesedaran dan keprihatinan terhadap evolusi kestabilan dan keseimbangan alam sejak berkurun yang sentiasa menghadapi rintangan dan cabaran namun terus menerus hidup. Ini memerlukan kepada kasih sayang manusia sebagai pengguna agar tidak menambahkan lagi rintangan dan gangguan kestabilan ekologi.

Dr. Zaini Ujang (1998) dalam huraianya terhadap kelemahan etika ekologi barat, beliau menggariskan lima aspek, secara ringkasnya iaitu :<sup>16</sup>

1. Hubungan dalam jaringan ekologi hanya melibatkan semata-mata elemen fizikal, kimia dan biologi.
2. Kesamaan taraf tentang manusia dengan spesies lain dalam kosmik; sama ada biotik ataupun abiotik.
3. Pendekatannya bersifat penyelesaian semasa dan sementara.
4. Ekologi barat melahirkan ideologi environmentalisme sebagai agama baru di barat.
5. Penafian ekologi terhadap pengaruh keimanan dan falsafah ketuhanan. Cuma kebelakangan ini wujud arus kesedaran ke arah penyepaduan dengan nilai agama, namun masih di peringkat terlalu awal.<sup>17</sup>

Akhirnya dengan memahami konsep etika taubidik, peranan khalifah, tuntutan syariah serta kefahaman adab terhadap alam di atas, suatu paradigma teori Islam tentang alam sekitar akan lebih jelas difahami.

### **Kesimpulan**

Teori etika Islam berbeza daripada Judaeo-Kristian dan Marxisme yang lebih melihat kepada objektif material. Etika Islam bukan sahaja semata-mata untuk kehidupan dunia sahaja. Di samping ia bertujuan memelihara lima asas keperluan utama, nilai terakhir Islam bukanlah berbentuk material mahupun

---

<sup>16</sup> Zaini Ujang, Prof Madya Dr. (1998). "Prinsip Ekologi Islam": *Seminar Alam Sekitar: Pengurusan Bijak Alam Anugerah Tuhan*. IKIM: 27-28 Oktober 1998: Hal. 4-5.

<sup>17</sup> Umpamanya usaha terkini yang dicetuskan oleh World Wild Fund for Nature (WWF). Lihat juga Zaini Ujang, Prof. Madya Dr. (1998) dalam "*Prinsip Ekologi Islam*".

komersil tetapi moral dalam menggapai matlamat menegakkan kerajaan Tuhan untuk kesejahteraan dunia dan akhirat.<sup>18</sup>

Kesimpulannya, etika Islam berkaitan pemeliharaan alam sekitar begitu berkait rapat dengan konsep tauhid (akidah), khilafah dan 'abd (ibadah) yang akhirnya membentuk suatu teori yang konkrit dalam menjamin pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Syariat Islam sentiasa menuntut agar umatnya melakukan perkara kebaikan dan sentiasa mengelakkan diri daripada melakukan kerosakan dan kehancuran. Allah berfirman dalam dua ayatNya yang berasingan, mafhumnya:

*"... dan bersegeralah kamu (untuk) membuat perkara kebaikan."*<sup>19</sup>

*"... dan janganlah kamu meletakkan diri kamu ke lembah kehancuran dan kebinasaan."*<sup>20</sup>

Inilah bentuk etika alam sekitar yang sempurna yang merangkumi elemen material dan spiritual. Inilah juga penyelesaian kepada kemusnahan alam sekitar moden hari ini. Sebagaimana dipetik daripada tulisan Ghafarullahuddin Haji Din et. al. (2000), bahawa satu-satunya konsep pemeliharaan alam sekitar agar tidak ditimpa kemusnahan ialah menerusi konsep tauhidik yang MESTI disusuli dengan keteguhan penghayatan kepada syari'at agama itu sendiri. Lalu akhirnya, adab dan etikanya akan lahir secara langsung dan semulajadi.

## **BIBLIOGRAFI**

Abdul Halim Sulaiman, Dr. (1998). "*Pertimbangan Ekologi dalam Pengurusan Alam Sekitar*": *Seminar Alam Sekitar: Pengurusan Bijak Alam Anugerah Tuhan*. IKIM: 27-28 Oktober 1998.

Abu Bakar Jaafar, Dato' Dr. (1998). "*The State of Air Quality in Malaysia*": *Seminar Alam Sekitar: Pengurusan Bijak Alam Anugerah Tuhan*. IKIM: 27-28 Oktober 1998.

Ahmad Abdul Karim Salamah, Dr. (1996). "*Mafahim Bi'iyah Fi Ayat Qur'aniiyah (An Nizam Al Bi'iy Wa At Tawazun Al Ikuhujiy)*": *Al Wa'yu Al Islamiyy Zulkaidah/April 1996 Bil 363: 26-29*.

<sup>18</sup> Manzoor, S. Parvez (1991): Hal 217.

<sup>19</sup> Al-Baqarah: 148.

<sup>20</sup> Al-Baqarah: 195.

Ahmad Bazli Shafie (1996). "Faham Etika Golongan Modenis": *Al Hikmah* Nov/Dis 1996 Bil 5: 16-20.

Ali Hamsa, Dr. (1998). "Program Pembangunan Mapan": *Seminar Alam Sekitar: Pengurusan Bijak Alam Anugerah Tuhan*. IKIM: 27-28 Oktober 1998.

Al-Falembani, Syekh Abdul Samad [t.t]. *Hidayah As Salikin*. Mesir: Al Maarif.

Al-Ghazali, Al Imam Hujjatul Islam Abu Hamid -505H (1993). *Bidayatul Hidayah* (Edisi Terjemahan). Kedah: Al Khizanah Al Banjariyyah.

Al-Judiy, Dr. Awad Jasim (1995). "At Tanawwu' Al Bayulujyy Fi Al Bi'ah Li Khidmat Al Insan": *Al Wa'yu Al Islamiyy Safar/Julai 1995* Bil 354: 64-67.

Ar Rumaniyy, Zaid Muhammad (1995). "Al Istikhlaf Fi Al Islam": *Al Wa'yu Al Islamiyy Rejab/Dis 1995* Bil 359: 42-43.

Unafarallahuddin Hj Din et al. (2000). "Disaster From the Islamic Perspective – Lesson to be Learnt From the Impact of Sins and Vice of Man": *The International Conference on Disaster Management: Lessons to be Learnt*. Malaysia: Langkawi, 29-30 April 2000.

Ibrahim Komoo. (1998). "Antara Tuntutan Pembangunan dan Pemuliharaan Alam Sekitar: Suatu Pertentangan?": *Seminar Alam Sekitar: Pengurusan Bijak Alam Anugerah Tuhan*. IKIM: 27-28 Oktober 1998.

Manzoor, S. Parvez (1991). "Persekitaran dan Nilai: Perspektif Islam": *Sentuhan Midas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Daud Bakar, Dr. (1996). "Bencana Alam: Perbuatan Manusia Atau Takdir": *Dakwah* April 1996 Bil 227: 25-27.

Mohd Kamil Yusoff, Dr. (1998). "Status Kualiti Air": *Seminar Alam Sekitar: Pengurusan Bijak Alam Anugerah Tuhan*. IKIM: 27-28 Oktober 1998.

Mokhtar Petah (1995). *Rahsia dari Al-Quran: Haiwan, Serangga dan Manusia*. Selangor: Cetak Hikmat (M) Sdn Bhd.

Noor Hassim Ismail (1996). *Kesihatan Persekitaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rusli Mohd, Prof Madya Dr. (1998). "Program Pengurusan Sumber Alam Sekitar": *Seminar Alam Sekitar: Pengurusan Bijak Alam Anugerah Tuhan*. IKIM: 27-28 Oktober 1998.

Uthman El Muhammady, Dr. (1998). "Islam dan Alam Sekitar": *Seminar Alam Sekitar: Pengurusan Bijak Alam Anugerah Tuhan*. IKIM: 27-28 Oktober 1998.

Seyyed Hossein Nasr (1991). "Islam and the Environmental Crisis": *Kesturi* Jil 1, Bil 2 Dis 1991: 26-47.

\_\_\_\_\_ (1993). *Pengenalan Doktrin Kosmologi Islam* (Edisi Terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Mohd Azam Mohd Amin, Dr. "Prinsip-Prinsip Umum Penjagaan Alam Sekitar Menurut Al Quran dan Al-Sunnah": *Dakwah* April 1996 Bil 227: 19-25.

Zaini Ujang, Prof Madya Dr. (1998). "Prinsip Ekologi Islam": *Seminar Alam Sekitar: Pengurusan Bijak Alam Anugerah Tuhan*. IKIM: 27-28 Oktober 1998.

\_\_\_\_\_ (1992). *Environmentalisme Dalam Tata Baru Dunia*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.

Ziauddin Sardar (ed.) (1996). *Sentuhan Midas* (Edisi Terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

\_\_\_\_\_ (1990). *Masa Hadapan Islam: Bentuk Idea Yang Akan Datang* (Edisi Terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.